Perbezaan Di Antara Tiga Agama

Islam, Kristian dan Yahudi

Oleh: Maryam Jamilah Begum

Di ruangan majalah Qalam bulan yang lalu kita telah menyiarkan sebuah rencana yang bertajuk "Mengapa Saya Menganut Agama Islam?" yang ditulis oleh seorang wanita keturunan Yahudi bernama "Margaret Marcus", kemudian ia menganut agama Islam dengan memakai nama "Mariam Jamilah Begum". Selepas itu beliau sangat aktif mempelajari dan mengkaji ajaran-ajaran Islam dan kemudian menyebarkannya dengan perantaraan makalah-makalah yang ditulisnya di majalah-majalah Islam seluruh dunia.

Makalah ini adalah salah satu di antara buah penanya mengenai Islam yang dikirim khas oleh pihak Kementerian Wakaf negeri Kuwait meminta agar kita menyiarkan terjemahannya di dalam bahasa Melayu. Semoga ada manfaatnya kepada masyarakat Islam di tanah ar kita. – Pengarang.

Terjemahan: Abdullah Hashim

Perbezaan Di Antara Agama-agama Islam, Kristian dan Yahudi:

Mengikut al-Qur'ān, kebenaran itu adalah universal dan berkekalan. Jika kebenaran itu esa (satu), maka demikianlah jugalah dengan agama; iaitu dalam banyak-banyak agama di dunia ini, terdapat satu agama sahaja yang benar. Dengan melalui nabi-nabi yang telah diutus oleh Allah, maka seruan-seruan dan perintah-perintah-Nya itu diturunkan kepada manusia, supaya mereka dapat hidup di alam maya ini, dengan munuju ke arah jalan yang benar bagi mencapai kesempurnaan hidup. Tiap-tiap agama yang wujud, yang diturunkan Allah Ta'ālā itu akan menjadi kucar-kacir kedudukan dan kebenarannya apabila terdapat rukun-rukun dan undang-undangnya itu dicampur aduk atau didolak-daliknya oleh manusia. Bagi kita orang-orang Islam, harus mempercayai mana-mana yang benar dan mengingkari mana-mana yang salah.

Walaupun terdapat agama-agama seperti Buddha, Hindu, falsafah Confucius dan lain-lainnya itu, tetapi yang mendapat tempat di dalam al-Qur'ān, adalah agama Islam, Kristian dan Yahudi, sebab agama-agama ini memainkan peranan yang penting dalam perkembangan sejarah hidup manusia di antara ketiga-tiga agama ini, kita dapati persamaan dan juga perbezaannya. Kita, sebagai orang Islam, mestilah memandang hormat dan mempunyai sifat bersefahaman terhadap mempunyai sifat bersefahaman terhadap "agama-agama adik" itu.

Sekarang saya berikan sedikit huraian mengenai sifat-sifat agama Yahudi dan Kristian, mengikut pandangan seorang Islam.

Agama Yahudi:

Apakah yang menghubungkan Islam dan Yahudi?

1. Tiap-tiap orang Yahudi yang taat kepada agamanya itu, mempunyai keyakinan bahawa Tuhan itu Esa. Cara sembahyang, mengikut kitab lama Yahudi ortodoks, adalah menyamai dengan sembahyang orang-orang Islam.

2. Orang-orang Yahudi yang alim mengamalkan ajaran-ajaran Nabi Allah Mūsā *'alayhi al-salām* sepertimana yang terdapat di dalam kitab "al-Tawrāh", maka kita akan dapati persamaannya dengan ulama-ulama Islam yang hidup bahagia dengan memperbincangkan hal-hal yang bersangkutan dengan agama dan amal ibadatnya. Keadaan yang begini sangat ganjil bagi orang-orang Kristian memahaminya. Orang-orang Yahudi menggunakan kitab Thalmūd[1], sebagai panduan hidup mereka. Manakala orang-orang Islam pula mempergunakan al-Qur'ān dan al-ḥadīth. Mungkin kedapatan berlainan undang-undang Islam dan Yahudi itu, tetapi kedua-duanya adalah bersefahaman dalam mempercayai Tuhan yang Maha Esa.

[1] Perkataan sebenar ialah Talmūd.

Perbezaan Antara Agama.

Apakah yang menceraikan Islam dengan Yahudi?

1. Mengikut pandangan seorang Islam, keruntuhan agama Yahudi itu adalah disebabkan oleh sifat nasionalisme. "Dengar, oh banī Isrā'īl! Tuan bagi Tuhan kami, Tuhan itu Esa" Begitulah keadaannya orang-orang Yahudi yang lebih mementingkan "banī Isrā'īl" daripada bangsa-bangsa yang lain. Sifat-sifat Yahudi yang tamak haloba itu jelas kelihatan. Orang-orang asing tidak akan dibenarkan memeluk agama Yahudi, kalau bukan kerana perkahwinan. Seperti agama Hindu, agama Yahudi adalah dianggap sebagai satu agama yang mementingkan darah keturunan dari ikatan persaudaraan dalam agama mereka. Mereka lebih suka mengasingkan diri dengan golongan kecil mereka, dan tidak mahu berusaha memperluaskan agamanya. Mereka juga tidak sudi orang-orang yang beragama lain memasuki agama mereka.

2. Mengikut fahaman agama Yahudi yang moden, kehidupan setelah mati itu adalah suatu kepercayaan yang karut dan ortodoks. Jika kita selidiki kitab "*Old Testament*", maka kita akan dapati penerangan mengenai Hari Akhirat diperkatakan dengan cara samar-samar dan tidak begitu terang.

3. Disebabkan oleh punca-punca nasional, maka setiap orang yang berdarah keturunan Yahudi, tanpa kiraan ia itu mempercayai agamanya (Yahudi) atau tidak, adalah dianggap sebagai seorang Yahudi sejati.

4. Agama Yahudi menganggap hari Sabtu itu adalah hari suci, dan tiap-tiap pemeluknya mestilah beribadat di sepanjang hari suci itu dari matahari naik hingga ke matahari jatuh. Hari itu adalah hari beramal dan kerja-kerja lain adalah diharamkan, hinggakan menyalakan api atau memetik *switch* lampu pun diharamkan. Mengikut Tawrāh seseorang yang melakukan sebarang pekerjaan di hari itu, hukumnya adalah dibunuh. Amalan-amalan yang tersebut itu adalah suatu perkara yang asing kepada orang-orang Islam.

5. Arak, sebarang rupa dan sukatan yang menjadikan seseorang itu mabuk, adalah haram diminum oleh orang-orang Islam, dan sesiapa yang melakukannya adalah berdosa besar. Tetapi orang-orang Yahudi meminum arak dengan sederhanan dibolehkan oleh agamanya. Jadi yang demikian, kita dapati tiap-tiap keramaian atau majlis-majlis agama Yahudi, minuman tersebut dihidangkan dan menjadi satu perkara yang mustahak diadakan.

6. Membunuh diri atau membunuh anak isteri seseorang itu dianggap suci dan syahid oleh orangorang Yahudi untuk mengelakkan dirinya daripada malu atau dosa. Tetapi Islam melarang sebarang pembunuhan. Lantaran bertindak dengan cara perseorangan itu adalah ditegah oleh Islam.

Agama Kristian:

Apakah yang menghubungkan di antara agama Islam dan Kristian?

1. Kristian dan Islam itu mempercayai bahawa Tuhan itu adalah universal, iaitu Tuhan bagi sekalian makhluk dan alam. Sebab itulah pemeluk-pemeluk Kristian dan Islam berusaha dengan sedapat-dapatnya supaya agama-agama mereka dapat diperkembangkan dengan seluas-luasnya, di seantero dunia.

2. Kristian dan Islam mempunyai kepercayaannya yang sama mengenai adanya Hari Akhirat di mana segala dosa dan pahala akan dibicarakan, dan tiap-tiap seorang daripada kita akan menerima pembalasan.

Apakah yang memisahkan Islam dengan Krsitian?

1. Ajaran Kristian telah menyalahgunakan ketuhanan, iaitu dengan dengan mengatakan bahawa Tuhan itu berbilang-bilang, Tuhan Bapa (Allah), Tuhan Anak (Nabi 'Īsā), dan Tuhan Ibu (Sītī Maryam). Kristian mempergunakan patung-patung dan lukisan-lukisan sebagai alat menyembah, istimewa di gereja-gereja *Catholic*.

2. Orang-orang Islam mempunyai pengertian yang berlainan mengenai Nabi 'Īsā.

3. Pada pandangan Islam, Kristian tidak mempunyai kitab-kitab suci yang diakui sah akan kebenarannya. Gospel adalah salah sebuah kitab suci biografi Nabi 'Īsā, yang ditulis dalam bahasa Greek. Buku tersebut dijadikan buku agama, sekurun setelah wafatnya Nabi 'Īsā. Yang menghairankan orang-orang Islam,

Perbezaan Antara Agama.

di dalam Gospel itu terdapat tulisan-tulisan "Saint Paul" yang mengarah epayar[2] Rom, dijadikan bacaan agama.

4. Islam memandang Kristian sebagai satu agama yang diseludupi oleh orang-orang Greek, Roman dan Parsi pada asalnya, dengan melalui paganisme mereka. Bukan mereka (orang-orang Kristian) hendak menentangnya, sebaliknya mereka menuruti dan mengamalinya.

5. Orang-orang Kristian mempunyai kepercayaan bahawa seseorang paderi itu dapat mengampunkan dosa-dosa besar dan kecil apabila si pembuat dosa itu mengakui dosanya di hadapan seseorang paderi. Pendek kata ia (paderi) itu menyerupai Tuhan. Dalam pada itu pula terdapat perpecahan dalam agama Kristian, masing-masing mengikuti mazhab-mazhab palsu yang diciptakan oleh manusia; seperti mazhab *Catholic*, *Unitarians*, *Protestant* dan sebagainya.

Islam tidak mencaci sebarang agama yang bertujuan baik, sebaliknya ia memberangsangkan pemeluk-pemeluknya supaya bekerjasama dengan pemeluk lain-lain agama itu, guna kebaikan dan kebajikan sekalian manusia di alam ini, dan berusaha menghindarkan diri daripada segala corak kejahatan.

Buku-buku Panduan Sembahyang

* Mari Sembahyang (Lelaki)	$1.20
* Mari Sembahyang (Wanita)	$1.20
* Pelajaran Sembahyang I (Lelaki tulisan Rumi dan Jawi	$1.60
* Pelajaran Sembahyang II (Lelaki tulisan Rumi dan Jawi)	$1.60
*Pelajaran Sembahyang (Wanita tulisan Rumi)	$1.80

Tiap-tiap bacaan, ayat-ayat lazim, zikir dan doa lepas sembahyang ditulis dengan huruf Arab berbaris dan Rumi serta diterangkan maknanya satu persatu dengan jelas.

Belanja *post* 20 sen.

Pesanlah kepada:
QALAM
8247, Jalan 225,
Petaling Jaya,
Selangor.

[2] Perkataan sebenar ialah empayar.